



10 AUG, 2020

Pengunjung dua kampung mesti jalani saringan

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Pengunjung dua kampung mesti jalani saringan



Penduduk setempat menjalani saringan COVID-19 di Klinik Kesihatan Kuala Sanglang, semalam. (Foto BERNAMA)

Kangar: Polis mengarahkan penduduk serta orang awam yang pernah mengunjungi Kampung Kuala Sanglang dan Kampung Tanah Timbul, mulai 28 Julai lalu, untuk menjalani saringan COVID-19.

Ketua Polis Perlis, Datuk Surina Saad, berkata ia bagi membolehkan kontak rapat dikesan dan penularan wabak melalui kluster Pesakit Bawah Siasatan (PUI) Sivagangga dihentikan secepat mungkin.

Beliau berkata, orang awam perlu menitikberatkan perkara itu dan jika mereka yang terbahit didapati tidak hadir menjalani saringan, pihak berkuasa akan pergi menjemput di kediaman.

“Senarai penduduk yang tinggal di sekitar Kuala Sanglang sudah ada. Jika mereka sudah keluar dari kawasan terbahit sebelum penularan berlaku, tidak mengapa.

“Namun, jika masih berada di kawasan terbahit mulai 28 Julai

lalu atau menjadi kontak rapat, mereka perlu hadir menjalani saringan,” katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Sementara itu, di **Jitra, Kedah**, bantuan bahan mentah termasuk sayur-sayuran, beras dan bahan asas disalurkan kepada penduduk di tiga mukim yang terbahit Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran (TEMCO), semalam.

Ia membabitkan 150 bungkusan sayur-sayuran dan lebih 200 kampil beras diagihkan kepada penduduk dalam kawasan TEMCO di Napoh.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri dan Asas Tani negeri, Azman Nasaruddin, berkata pengagihan sumbangan daripada Jabatan Pertanian Kedah, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) itu diuruskan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Beliau berkata, penyerahan

bantuan ke rumah penduduk dalam kawasan terbahit turut dibantu Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).

“Pemilihan keluarga menerima bantuan ini diuruskan JKM yang mencari golongan layak, terutama mereka yang kurang berkemampuan dan ada anak ramai.

“Insya-Allah, kita akan cuba mencari lagi sumbangan untuk membantu penduduk dalam kawasan TEMCO kerana masih ada tempoh dua minggu kuarantin,” katanya kepada pemberita, semalam.

Menjelaskan lanjut, Azman berkata, pihaknya memberi keutamaan kepada kawasan terjejas di tiga mukim dalam daerah Kubang Pasu.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya juga akan berusaha membantu menyalurkan bantuan kepada penduduk terjejas di Padang Sanai, Padang Terap.



10 AUG, 2020

Pengunjung dua kampung mesti jalani saringan

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kangar: Polis mengarahkan penduduk serta orang awam yang pernah mengunjungi Kampung Kuala Sanglang dan Kampung Tanah Timbul, mulai 28 Julai lalu, untuk menjalani saringan COVID-19. Ketua Polis Perlis, Datuk Surina Saad, berkata ia bagi membolehkan kontak rapat dikesan dan penularan wabak melalui kluster Pesakit Bawah Siasatan (PUI) Sivagangga dihentikan secepat mungkin.